

NOTA PERBINCANGAN
SESI PENYELARASAN PELAKSANAAN KEPUTUSAN MESYUARAT MAJLIS
TINDAKAN EKONOMI NEGARA (MTEN) BIL. 1 TAHUN 2024

Tarikh : 20 Februari 2024 (Selasa)
Masa : 11.30 pagi – 12.30 tengah hari
Tempat : Bilik Mesyuarat Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara Prisma
PUTRAJAYA
Pengerusi: YBhg. Datuk Dr. Zunika binti Mohamed
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Ekonomi

LATAR BELAKANG

1. Mesyuarat bertujuan untuk membincang dan menyelaraskan pelaksanaan keputusan Mesyuarat MTEN Bil. 1 Tahun 2024 bagi Kertas “Penambahbaikkan Tata Kelola Approved Permit (AP) dan Import Permit (IP) ke arah Meningkatkan Daya Saing Negara” yang dibentangkan oleh Kementerian Ekonomi pada 15 Januari 2024.
2. Senarai kehadiran adalah seperti di **Lampiran 1.**

PERKARA - PERKARA PERBINCANGAN

1. Mesyuarat mengambil maklum pembentangan oleh Sekretariat MTEN bagi kertas bertajuk “Penambahbaikkan Tata Kelola Approved Permit (AP) dan Import Permit (IP) ke arah Meningkatkan Daya Saing Negara” (slaid kertas pembentangan seperti di **Lampiran 2)**.
2. Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara perbincangan seperti berikut:
 - a) YBhg. Datuk Dr. Pengerusi memaklumkan seperti berikut:
 - i) Mesyuarat MTEN Bil. 1/2024 telah bersetuju supaya:
 - a) Jabatan Audit Negara (JAN) melaksanakan audit terhadap AP/ IP bagi sektor terpilih;
 - b) Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menyelaraskan usaha menambah baik tata kelola AP dan IP merentas kementerian dan agensi;
 - c) Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengkaji isu berkaitan kewujudan kartel dalam pengimportan barangan berasaskan makanan; dan

- d) semua Kementerian dan agensi memberikan justifikasi keperluan mengekalkan AP dan IP dan perlu mencadangkan penambahbaikan tata kelola AP dan IP di bawah kawal selia masing-masing.
 - ii) Walau pun garis masa pelaksanaan keputusan Mesyuarat MTEN Bil.1/ 2024 adalah bergantung terhadap kesediaan Kementerian/ agensi, namun, YAB Pengerusi MTEN telah mengarahkan supaya semua Kementerian/ agensi mengambil tindakan serta merta terhadap penambahbaikan tata kelola AP/ IP.
 - iii) YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah telah membangkitkan supaya di teliti semula isu pemansuhan AP kelapa yang telah memberi kesan kepada peladang tempatan kerana terdapat longgokan kelapa daripada Indonesia.
 - iv) Kementerian Ekonomi akan memberi kerjasama dengan MPC, MyCC dan JAN terutama dalam memberi input-input berkaitan yang diperlukan.
- b) Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi), Jabatan Audit Negara (JAN) memaklumkan perkara seperti berikut:
- i) JAN tiada halangan untuk melaksanakan audit sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat MTEN Bil. 1/2024. Namun pelaksanaan audit tersebut perlu ditetapkan terlebih dahulu kriteria, skop dan kaedah pengauditan;
 - ii) JAN mencadangkan untuk menjalankan audit dan perbandingan terhadap pengurusan AP/ IP di beberapa Kementerian. Berdasarkan pengauditan tersebut, JAN akan mengesyorkan penambahbaikan yang akan merangkumi aspek sistem, aliran proses, tadbir urus dan pengurusan kewangan berkaitan.
 - iii) Pengauditan dicadang untuk dijalankan di bawah Sektor Audit Prestasi. Memorandum Perancangan Audit (MPA) akan disediakan dan dimaklumkan kelak.
 - iv) JAN mencadangkan audit yang akan dijalankan untuk merangkumi produk makanan dan bukan makanan seperti daging, gula putih bertapis, sisa plastik serta besi dan keluli. Pengauditan bagi minyak masak sedang dijalankan oleh JAN dan dijangka selesai pada Oktober 2024.
 - v) Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) merangkumi perbincangan dengan audit melalui *exit conference* mengenai penemuan, penilaian, kesimpulan

dan syor audit. Cadangan perbincangan bagi syor audit perlu diadakan bersama pihak MPC dan Kementerian Ekonomi.

vi) JAN menyatakan audit yang akan dijalankan akan berdasarkan skop keterjaminan makanan negara.

c) Wakil MPC memberikan pandangan seperti berikut:

- i) MPC akan berpandukan kepada tujuh elemen Analisis Impak Peraturan (RIA) serta Dasar Negara bagi Amalan Peraturan Baik (NPGRP) untuk menangani isu persepsi negatif terhadap tata kelola AP yang dianggap tidak telus.
- ii) MPC akan memberi fokus terhadap penambahbaikan tatakelola AP/ IP setiap sektor di peringkat kementerian/ jabatan. Proses penilaian tata kelola tersebut akan dilaksanakan berdasarkan keutamaan sektor yang akan ditentukan kelak.
- iii) MPC akan menyediakan terma rujukan (TOR) dan akan menyusun tugas-tugas dan garis masa pelaksanaan untuk setiap Kementerian dan agensi berkaitan.
- iv) MPC memerlukan bantuan Kementerian Ekonomi bagi mengawal selia dan memantau pelaksanaan yang akan dijalankan oleh MPC.
- v) MPC akan membantu perusahaan kecil atau sederhana dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam industri perniagaan.

d) Wakil MyCC memberikan pandangan seperti berikut:

- i) MyCC akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) bagi melihat isu kartel dalam sektor makanan melalui Program Jaringan Anti-Kartel.
- ii) MyCC telah mengenalpasti lima jenis barangan makanan yang akan dikaji berkaitan isu kartel. Walau bagaimanapun, senarai barangan makanan tersebut akan dikaji semula mengikut perbincangan dan pengumpulan input semasa.
- iii) supaya senarai jenis barangan makanan yang tertakluk di bawah AP dan IP dikemukakan kepada MyCC supaya dapat diselaraskan dengan cadangan lima barangan oleh pihak MyCC bagi kajian berkaitan isu kartel.

- iv) Dalam isu berkaitan persaingan, MyCC berpegang kepada prinsip pasaran bebas di antara peniaga tempatan dan peniaga luar untuk mendorong persaingan dalam industri.
 - v) Perlu melihat semula polisi semasa Kerajaan dalam melindungi peniaga tempatan dengan menyekat kemasukan peniaga dari luar.
- e) Pengarah Sekretariat MTEN memberikan pandangan seperti berikut:
- i) Pemansuhan AP barangan dijangka tidak akan menurunkan harga pasaran. Ini adalah berdasarkan kepada kajian oleh pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan analisa oleh pihak Sekretariat MTEN terhadap kubis bulat, yang mana selepas pemansuhan AP bagi produk kubis bulat menunjukkan tiada perubahan atau penurunan harga pasaran walau pun pasaran kini didominasi oleh pengimport kobis dari China.
- f) Wakil BIPST, Kementerian Ekonomi memberikan pandangan seperti berikut:
- i) Isu *rent-seeking* atau “Ali Baba” di kalangan peniaga tempatan yang menyalahguna AP perlu turut diteliti dan dikaji.

KEPUTUSAN WAY-FORWARD

1. Menyelaraskan skop kajian dan menyusun garis masa pelaksanaan merentas Kementerian dan agensi yang terlibat dalam usaha menambah baik tata kelola AP dan IP.

Tindakan: MPC, JAN dan MyCC

2. Menyediakan Terma Rujukan (TOR) dan merancang garis masa pelaksanaan penambahbaikan tatakelola AP/IP setiap sektor di peringkat kementerian/ jabatan berkaitan.

Tindakan: MPC

3. Mengemukakan senarai AP dan IP yang lebih terperinci mengikut kategori produk untuk kajian berkaitan isu kartel.

Tindakan: Sekretariat MTEN, MyCC

**Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara
Kementerian Ekonomi
21 Februari 2024**

SENARAI KEHADIRAN

KEMENTERIAN EKONOMI

1. YBhg. Datuk Dr. Zunika binti Mohamed
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) - **Pengerusi**
2. YBhg. Datuk Dr. Hanisah binti Hussin
Timbalan Pengarah (Industri)
Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi

JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)

3. YBhg. Datuk Nor Salwani Binti Muhammad
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)
4. YBrs. Dr. Alifah Aida Binti Lope Abdul Rahman
Pengarah Audit Bahagian ICT

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

5. Puan Shahriza Bahari
Timbalan Pengarah
Pembangunan Produktiviti & Daya Saing
6. Encik Mohd Zulkifly Che Mohd Rawawi
Pengurus
Pembangunan Produktiviti & Daya Saing

SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MYCC)

7. Encik Ahmad Nazneen bin Zulkifli
Pengarah
Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan
8. Puan Mumtaz Zarifah binti Mustaffa
Pegawai Khas
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
9. Encik Izzat Muhaimin Aziz bin Pauzzi
Penolong Pengarah
Bahagian Perniagaan & Ekonomi

SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN EKONOMI NEGARA

10. YBhg. Datuk Mariam binti Ilias
Pengarah

11. YBrs. Dr. Saharudin bin Haji Yusoff
Timbalan Pengarah
12. Encik Mohd Fadly bin Lasman
Ketua Penolong Pengarah
13. Encik Noorhidayat bin Salman
Ketua Penolong Pengarah
14. Puan Aminah binti Mat Amin
Ketua Penolong Pengarah
15. Puan Teepah A/P Athimoolam
Ketua Penolong Pengarah
16. Encik Mohamad Faris Adli bin Mahadi
Penolong Pengarah
17. Cik Nuraliya binti Muhammad
Pegawai Tadbir - Pencatat minit
18. Cik Syazwani binti Nor Arman
Pegawai Tadbir

Majlis Tindakan Ekonomi Negara

PENAMBAHBAIKAN TATA KELOLA *APPROVED PERMIT* (AP) DAN IMPORT PERMIT (IP) KE ARAH MENINGKATKAN DAYA SAING NEGARA



Cabutan Minit Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 8 Februari 2023

(3) Inisiatif Meliberalisasikan Kebenaran Mengimport Pelbagai Jenis Barangan

Jemaah Menteri:

(a) mengambil maklum:

- i. akan pandangan bahawa **peraturan sedia ada berhubung kebenaran mengimport** (*Approved Permit* – AP) di bawah pelbagai kementerian/ agensi melibatkan pelbagai jenis barangan makanan dan bukan makanan **wajar diselaraskan semula untuk penambahbaikan menyeluruh**;
- ii. akan keterangan bahawa cadangan untuk meliberalisasikan kebenaran mengimport secara menyeluruh diyakini mampu **membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat**; dan
- iii. dalam hal ini, peraturan sedia ada berhubung kebenaran mengimport wajar dikaji semula untuk diliberalisasikan **supaya lebih telus serta meningkatkan kecekapan dan tata kelola yang lebih baik**.

(b) bersetuju supaya Kementerian Ekonomi menyusul pandangan di perenggan (a)(i) dan (iii).


Latar belakang /
Isu




Kementerian Ekonomi

Wujud persepsi umum bahawa kawalan import melalui AP dan IP telah menjadi punca kepada herotan pasaran dan kenaikan kos sara hidup. Justeru, terdapat keperluan untuk meneliti dan menilai semula tata kelola pelaksanaan AP dan IP.

Garis Masa Gerak Kerja oleh Sekretariat MTEN



Definisi dan Senarai AP yang Berkuatkuasa pada Masa Kini



DEFINISI

Merupakan **penetapan kuota import** barangan tertentu untuk masuk ke dalam Malaysia yang bertujuan untuk **melindungi industri tempatan**.

KATEGORI PRODUK

- Beras
- Gula putih bertapis
- Automotif – kereta, bateri & *brake pad* terpakai
- Produk Israel
- Produk besi & besi lusuh terpakai
- Bahan kimia terjadual
- Tekstil - batik Indonesia
- Sisa plastik
- Mesin/ peralatan hiburan
- *Beer brewing apparatus*
- Seni, budaya dan warisan
- Bahan mineral/ hasil bumi

Latar Belakang Kini terdapat 26 barangan yang tertakluk kepada AP, di mana hanya dua AP yang melibatkan barangan makanan (iaitu beras dan gula putih bertapis).



Persepsi Negatif Pelbagai Pihak Berkaitan Tata Kelola AP yang Dianggap Tidak Telus

Implikasi

Menimbulkan ketidakpuasan hati pelbagai pihak dan ia dikatakan menjadi punca kepada gangguan rantai bekalan (*supply chain*) akibat monopoli pihak tertentu yang menyebabkan peningkatan kos dan harga barangan - ketidakcekapan operasi/ketirisan.




Penambahbaikan awal

Melantik Jawatankuasa Audit untuk menilai ketelusan proses pelantikan penerima AP dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan khususnya dalam meningkatkan ketelusan.

Nota:

Setakat ini, tiada sebarang bukti empirikal wujudnya ketidaktelusan yang melibatkan diskriminasi dan konflik kepentingan.



AP Isu 1:

Persepsi negatif terhadap tata kelola AP bahawa terdapat monopoli yang menguntungkan pihak tertentu turut memberi kesan terhadap *cost of doing business/ ease of doing business*.



Kajian Kes bagi AP Beras: Dapatan Sesi Libat Urus Bersama Kementerian/Agensi dan Pemain Industri

ISU DAN CABARAN

- Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) telah diberi monopoli bagi pasaran beras melalui Perjanjian Konsesi sehingga tahun 2031. BERNAS memikul 3 tanggungjawab atas kos dan perbelanjaannya sendiri, iaitu:
 - a) tanggungjawab sosial bagi jaminan makanan negara (**national food security**), kebajikan pesawah dan kebajikan pengilang padi Bumiputera;
 - b) menjamin kebajikan rakyat Malaysia amnya sebagai pengguna beras dalam bentuk **kawalan harga, kecukupan bekalan dan jaminan kualiti beras**; dan
 - c) jaminan kepada Kerajaan perkara (a) dan (b) dijalankan tanpa menjejaskan kepentingan Kerajaan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

- i. Peranan-peranan tersebut sepatutnya dilaksanakan oleh badan kawal selia Kerajaan iaitu Seksyen kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Meletakkan peranan-peranan kawal selia kepada pemain industri akan menyebabkan **konflik kepentingan**. Justeru, pada masa hadapan perjanjian konsesi perlu **dikaji semula**;

AP Isu 1
– Kajian Kes

BERNAS memainkan peranan sebagai agensi kawal selia beras.



Kementerian Ekonomi

Kajian Kes bagi AP Beras: Dapatan Sesi Libat Urus Bersama Kementerian/Agensi dan Pemain Industri (Samb...)

ISU DAN CABARAN

- ii. BERNAS gagal melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan;
- iii. **Kualiti beras** yang dibekalkan oleh BERNAS tidak konsisten;
- iv. Monopoli BERNAS dan keutamaan agihan kepada anak syarikat BERNAS menyebabkan **kekurangan stok beras**;
- v. **Konflik kepentingan** kerana BERNAS turut mempunyai anak syarikat (pemborong);
- vi. Pengurusan pelupusan *stock pile* beras negara **tidak adil**; dan
- vii. **Isu logistik**: Kemasukan beras import kepada pemborong tidak mengikut lokasi wilayah/ pelabuhan terdekat dengan pemborong. Terdapat 4 buah pelabuhan import beras oleh BERNAS di Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Johor Bahru dan Kuantan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN


- ii. Melaksanakan kajian untuk **menilai keberkesanan BERNAS** dalam menjalankan tanggungjawab sepertimana yang telah digariskan dalam Perjanjian Konsesi;
- iii. **Audit berkala** dilaksanakan untuk menilai **kualiti beras** yang dibekalkan oleh BERNAS;
- iv. Melaksanakan kajian untuk menilai **agihan stok beras secara adil dan telus** kepada pemborong tanpa mengutamakan anak syarikat BERNAS;
- v. Pemborong diberi peluang mendapatkan bekalan terus daripada pengeksport (**tiada syarikat monopoli AP**); dan
- vi. **Hubungan G2G** di antara Malaysia dan negara pengeksport **melalui entiti Kerajaan** bukan melalui syarikat monopoli.

AP Isu 1
- Kajian Kes

BERNAS yang berperanan sebagai agensi kawal selia dan pemain industri telah menjejaskan kecekapan pasaran beras.



Definisi dan Senarai IP Yang Berkuatkuasa pada Masa Kini



DEFINISI

Merupakan **kelulusan setiap transaksi kemasukan semua barangan** ke dalam Malaysia bagi tujuan **kawalan biosekuriti, keselamatan dan kualiti**.

KATEGORI PRODUK

- Lada (lada hitam)
- Tepung gandum
- Gula (kod tariff 1701 dan 1702)
- Produk ternakan & perikanan
- Produk tanaman
- Barangan tanaman & produk terkawal
- Minuman keras
- Seni, budaya dan warisan
- Rokok dan produk tembakau
- Bahan radioaktif/ nuklear
- Peralatan & bahan letupan
- Bahan binaan & simen
- Produk permainan
- Farmaseutikal
- Semikonduktor/ elektrik & elektronik

Latar Belakang **Kini terdapat 24 barangan yang tertakluk kepada IP.**



Kajian Kes: Prestasi Kelulusan Permit Import 7 Agensi Kawal Selia Terpilih (KPKM & KKM) di Pelabuhan Klang bagi Tahun 2022

	DOF	NPRA	LKIM	FAMA	BKKM	DVS	DOA
Mean (hari)	1.79	0.52	1.76	2.21	0.88	2.23	2.34
Median (hari)	1.01	0.12	1.02	1.84	0.29	1.73	1.92
Bilangan Kes <11 hari	8,802	75,710	33,037	76,656	237,892	54,810	125,056
Bilangan Kes ≥11 hari	103	274	250	698	2,214	1,771	1,899

Data JKDM (2022); Analisa MPC dan Sekretariat MTEN

Nota:

Proses yang melebihi 10 hari tidak dimasukkan dalam pengiraan *mean* dan *median* kerana dianggap sebagai *outliers*.

KKM: NPRA (Bahagian Regulatori Farmasi Negara), BKKM (Bhgn. Keselamatan dan Kualiti Makanan); **KPKM:** DOF (Jabatan Perikanan Malaysia), LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia), FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan), DVS (Jabatan Perkhidmatan Veterinar), DOA (Jabatan Pertanian Malaysia)

Antara punca kelewatan adalah disebabkan dokumen yang tidak lengkap, bayaran lambat oleh syarikat pemohon, dan isu daripada negara pengeksport.

IP Isu 1
- Kajian Kes :




Kementerian Ekonomi

Rumusan: Agensi kawal selia terpilih mempunyai purata tempoh proses kelulusan yang berbeza-beza. Perbezaan tempoh adalah disebabkan oleh proses tata kelola yang berlainan di antara agensi kawal selia.

Kajian Kes: *Condition Precedent* Permohonan Pengimportan Daging – Proses Analisa Risiko Import

Definisi: *Condition Precedent* merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang perlu disempurnakan sebelum penyerahan dokumen permohonan.



IP Isu 2
- Kajian Kes :



Kementerian Ekonomi

Rumusan: Proses analisa risiko import yang mengambil masa sehingga 18 bulan merumitkan dan menjejaskan aktiviti perniagaan. Untuk itu, agensi kawal selia dicadangkan mengemukakan kaedah penambahbaikan kepada Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan.

PERKARA	SYOR PENAMBAHBAIKAN
<u>Terma yang tidak seragam</u>	Menyeragamkan terma-terma yang digunakan oleh agensi kawal selia dengan Perintah Kastam (Larangan Import) dan pihak yang terlibat perlu dimaklumkan mengenai perubahan tersebut. Memformalkan langkah-langkah kawal selia berkaitan dengan import/eksport dengan cara: •ewartakan langkah-langkah kawal selia dalam Perintah Kastam (Larangan Import), dan •maklumkan kepada WTO mengenai semua langkah-langkah yang dikenakan ke atas import/ eksport.
<u>Pelaksanaan peraturan yang tidak konsisten</u>	Memastikan pelaksanaan kelulusan Lesen Import mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perintah Kastam (Larangan Import) dan peraturan-peraturan berkaitan
<u>Lebih daripada satu agensi kawal selia</u>	Melantik agensi peneraju untuk menangani kerumitan pelbagai proses permohonan, memperkemaskan aliran kerja, mengurangkan beban pentadbiran dan mempercepatkan pembuatan keputusan.

IP Isu-Isu Lain:



Kementerian Ekonomi

Terdapat keperluan menyeragamkan penggunaan terma dalam Perintah Kastam (Larangan Import), Akta dan Peraturan yang berkaitan berdasarkan takrifan dan komitmen antarabangsa dan menangani isu berkaitan agensi kawal selia.

MESYUARAT MTEN BILANGAN 1 TAHUN 2024

Kertas 2 : Penambahbaikan Tata Kelola *Approved Permit* (AP) dan Import Permit (IP) ke Arah Meningkatkan Daya Saing Negara

Antara pandangan Ahli-Ahli MTEN berkaitan tata kelola AP dan IP:

YAB Perdana Menteri selaku Pengerusi

- keperluan **mengekalkan AP dan IP hanya untuk keadaan tertentu yang mendesak** dan boleh dipertimbangkan untuk **melindungi industri tempatan**
- cadangan pengauditan dan pelaporan oleh KAN berhubung pelaksanaan AP dan IP akan mengambil satu tempoh masa
- pelaksanaan keputusan dasar mengambil tempoh masa yang lama berbanding yang dipersetujui
- perlu untuk **mewujudkan sistem dan proses yang lebih telus** dalam pengendalian hasil kutipan komisyen dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa dalam proses kelulusan AP/IP

YB Menteri Ekonomi

- **masalah birokrasi** di peringkat kementerian/ agensi **punca kelewatan dalam tata kelola** permohonan AP/ IP
- perlu **maklumat tentang proses dan tempoh masa optimum** yang boleh dicapai oleh kementerian/ agensi **berdasarkan kajian penandaarasan dengan negara-negara lain**



MESYUARAT MTEN BILANGAN 1 TAHUN 2024

Kertas 2 : Penambahbaikan Tata Kelola *Approved Permit* (AP) dan Import Permit (IP) Ke Arah Meningkatkan Daya Saing Negara

Antara pandangan Ahli-Ahli MTEN berkaitan tata kelola AP dan IP:

YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

- isu utama berkaitan AP/ IP adalah **kewujudan kartel dan penjualan kelulusan AP/IP**
- isu berkaitan pemansuhan AP kelapa - **pengimportan kelapa yang memberi kesan kepada peladang tempatan**

YB Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

- **penambahbaikan tata kelola dan kaedah meningkatkan kecekapan proses kelulusan AP dan IP** di bawah KPKM perlu diperhalusi
- IP adalah lebih menjurus kepada biosekuriti negara dan tiada sebarang kompromi dipertimbangkan dalam kelulusan IP yang melibatkan biosekuriti negara



MESYUARAT MTEN BILANGAN 1 TAHUN 2024

Kertas 2 : Penambahbaikan Tata Kelola *Approved Permit* (AP) dan Import Permit (IP) Ke Arah Meningkatkan Daya Saing Negara

Antara pandangan Ahli-Ahli MTEN berkaitan tata kelola AP dan IP:

YB Menteri Perladangan dan Komoditi

- **tata kelola AP dan IP wajar dikaji semula berpandukan kepada data dan statistik yang tepat** sebelum sebarang keputusan pemansuhan AP dan IP
- analisa dan perbandingan kos pengimportan perlu dibuat sebelum kelulusan AP diberikan untuk komoditi utama
- terdapat bukti kewujudan kartel dalam industri tertentu yang telah memindahkan keuntungan kepada syarikat-syarikat yang sama
- **terdapat keperluan untuk mengkaji dan menyemak kewujudan kartel dalam pengimportan makanan**

YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

- **tata kelola AP dan IP wajar dikaji semula melibatkan proses dan tempoh masa optimum** yang boleh dicapai oleh kementerian/ agensi



MESYUARAT MTEN BILANGAN 1 TAHUN 2024**Kertas 2: Penambahbaikan Tata Kelola *Approved Permit* (AP) dan Import Permit (IP) ke Arah Meningkatkan Daya Saing Negara**

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

- a. bersetuju supaya usaha menambah baik tata kelola AP dan IP merentas kementerian/ agensi dilaksanakan;
- b. bersetuju supaya MPC diberi mandat untuk menyelaraskan usaha menambah baik tata kelola AP dan IP merentas kementerian dan agensi;

Tindakan: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

- c. bersetuju supaya KAN menjalankan pengauditan bagi sektor terpilih untuk memastikan pelaksanaan AP dan IP mencapai sasaran dan memenuhi matlamat yang telah ditetapkan;

Tindakan: Jabatan Audit Negara (JAN)



MESYUARAT MTEN BILANGAN 1 TAHUN 2024**Kertas 2: Penambahbaikan Tata Kelola *Approved Permit* (AP) dan Import Permit (IP) ke Arah Meningkatkan Daya Saing Negara**

Keputusan mesyuarat adalah seperti berikut:

- d. bersetuju supaya MyCC mengkaji isu berkaitan kewujudan kartel dalam pengimportan barangan berasaskan makanan; dan

Tindakan: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

- e. bersetuju supaya kementerian/ agensi menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berhubung status semasa serta justifikasi keperluan mengekalkan AP dan IP di bawah kawal selia masing-masing untuk dibentang kepada Jemaah Menteri.

Tindakan: Semua kementerian/ agensi



TERIMA KASIH



1

Penggunaan **terma yang tidak seragam** antara Perintah Kastam (Larangan Import), Akta, Peraturan, dan takrifan antarabangsa boleh menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pedagang antarabangsa dan tempatan.

ANTARABANGSA		
	Lesen	Permit
Tujuan	Untuk memastikan pengendali mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk menjalankan sesuatu aktiviti dengan cara yang menjaga kebajikan awam.	Untuk memastikan bahawa struktur dan operasi mematuhi piawaian yang melindungi kesihatan awam, keselamatan dan alam sekitar.
Ciri-ciri	Keizinan untuk aktiviti perniagaan teras yang berterusan.	Keizinan untuk melengkapkan satu urusan import.
Kelulusan	Diberi bagi satu tempoh masa.	Diberi bagi satu aktiviti import.

Istilah yang digunakan oleh agensi kawal selia	
1. Permit	Permit Import, e-permit,
2. Pemeriksaan	Kelulusan, Pemeriksaan, Pemeriksaan dan Kelulusan
3. Surat Kebenaran	Letter of Approval, Letter of Clarification, Letter of Acknowledgement, Letter of Consent, Letter of Exemption, Release Letter
4. Sijil	Certificate, Certificate of Approval, Certificate of Conformance,

Implikasi

Pemahaman dan penggunaan terma yang salah dan berlebihan akan menyebabkan kekeliruan dan kerumitan dalam kalangan pihak berkepentingan.

Negara gagal memenuhi komitmen dan keperluan yang digariskan dalam Perjanjian Fasilitasi Perdagangan (TFA) peringkat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). (HS Code 15.11, 15.13)

MALAYSIA
lesen import ialah permohonan kebenaran bagi setiap aktiviti import (sepatutnya digelar permit import)
cth: KPDN - Lesen Import Tepung Gandum; KPKT/JSPN - Lesen Import Sisa Plastik

Penambahbaikan awal

Menyeragamkan terma-terma yang digunakan oleh agensi kawal selia dengan Perintah Kastam (Larangan Import) dan pihak yang terlibat perlu dimaklumkan mengenai perubahan tersebut.

Memformalkan langkah-langkah kawal selia berkaitan dengan import/eksport dengan cara:

- mewartakan langkah-langkah kawal selia dalam Perintah Kastam (Larangan Import), dan
- memaklumkan kepada WTO mengenai semua langkah-langkah yang dikenakan ke atas import/eksport.

Isu

Terdapat keperluan menyeragamkan penggunaan terma dalam Perintah Kastam (Larangan Import), Akta dan Peraturan yang berkaitan berdasarkan takrifan dan komitmen antarabangsa.

2

Permit import telah dikenakan ke atas **jabatan kerajaan** sedangkan mengikut peraturan sedia ada, ia sepatutnya **dikecualikan**. Contoh: Jabatan Kimia masih perlu memohon permit import daripada Program Perkhidmatan Farmaseutikal, Kementerian Kesihatan.

Implikasi

Penambahbaikan awal

Pengecualian

13. Perenggan 4, 5, 6, 8, 10 dan 11 tidak terpakai bagi—

- (a) barang-barang yang diimport oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri kecuali barang-barang yang tersenarai dalam Bahagian I Jadual Ketiga dan Bahagian II Jadual Keempat yang dikawal selia oleh—
- (i) Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS);
 - (ii) Jabatan Pertanian di Semenanjung Malaysia;
 - (iii) Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
 - (iv) pihak berkuasa yang berkenaan di Sabah dan Sarawak;

Agensi kawal selia akan terus berada dalam ketidakpatuhan dan bertindak ultra vires (melebihi skop kuasa).



Memastikan pelaksanaan kelulusan 'Lesen Import' mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perintah Kastam (Larangan Import) dan peraturan-peraturan berkaitan.

Isu

Pengecualian kebenaran mengimport tidak dipatuhi secara konsisten oleh agensi kawal selia.



Kementerian Ekonomi

3 Terdapat **lebih daripada satu agensi kawal selia** dalam Perintah Kastam (Larangan Import) yang memanjangkan/ merumitkan proses kebenaran mengimport.

HS Code	Authority 1	Authority 2
8531.10	Import is accompanied by an import permit issued by the Director General of the Department of the Atomic Energy Malaysia	Import is accompanied by an approval letter from the Chief Police Officer
1006.10, 1006.20	Import permit issued by Director General of Control of Paddy and Rice	Import permit issued by Director General of Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)
1006.30, 1006.40.90	Subject to inspection and approval by the Department of Agriculture (DOA)	Subject to inspection and approval by the Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)
44.07	Import permit issued by Director General of Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)	import permit under the International Trade in Endangered Species Act 2008 issued by Malaysian Timber Industry Board
3915.90.90	Department of National Solid Waste Management	the import is accompanied by an import license from the Chief Police Officer under the Explosives Act 1957

Implikasi

Perniagaan dan individu mungkin menghadapi beban pematuhan yang lebih tinggi apabila berurusan dengan pelbagai agensi kawal selia, kerana mereka perlu mematuhi keperluan setiap agensi secara berasingan.

 Penambahbaikan awal

Melantik agensi peneraju untuk menangani kerumitan pelbagai proses permohonan, memperkemaskan aliran kerja, mengurangkan beban pentadbiran dan mempercepatkan pembuatan keputusan.

Isu

Proses permohonan kebenaran mengimport memakan masa yang panjang kerana perlu mendapatkan kelulusan lebih daripada satu agensi kawal selia.

